



**JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA**

Jalan Cenderasari,
50590 Kuala Lumpur.



SIRIM

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO AR 5415

Ruj. Kami : Bil (82)d/m.JKWPKL(K)/131/1 Jld.10
Tarikh : 27 Mac 2013

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

**URUSAN PEMBAYARAN BALIK UPAH JAHIT PAKAIAN SERAGAM /
PEMBELIAN KASUT BAGI PENJAWAT AWAM DI JABATAN KESIHATAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat edaran Bahagian Akaun, Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 5 tahun 2013 mengenai perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan, Bahagian Akaun, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengeluarkan **Garis Panduan bagi Urusan Pembayaran Balik Upah Jahit Pakaian Seragam / Pembelian Kasut bagi penjawat awam di Kementerian ini (seperti di lampiran dan juga boleh diakses melalui laman web JKWPKL & P)**. Tuan / Puan adalah dipohon untuk mematuhi perkara-perkara yang diterangkan di dalam Garis panduan berkenaan sebelum mengemukakan Borang Tuntutan kepada Unit Kewangan, Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing bagi tujuan pembayaran. Sukacita dimaklumkan bahawa kadar tuntutan bagi pembelian kasut dan upah jahit adalah seperti berikut :

JENIS PAKAIAN	KUANTITI YANG DIBEKALKAN / LAYAK DITUNTUT (MAKSIMUM)	KADAR MAKSIMUM (RM)
Baju lengan panjang / pendek	3	300 (RM 100 sehelai)
Seluar panjang	3	390 (RM 130 sehelai)
Sepasang baju kurung wanita	3	360 (RM 120 sepasang)
Overall	3	450 (RM 150 sehelai)
Overcoat	3	300 (RM 100 sehelai)

KASUT	KUANTITI YANG LAYAK DITUNTUT (MAKSIMUM)	KADAR MAKSIMUM (RM)
Dibeli sendiri mengikut bentuk / corak <i>standard</i> mengikut syarat-syarat yang ditetapkan	2	300 (RM 150 sepasang)


3. Adalah dimaklumkan tuntutan bayaran balik pembelian kasut boleh dilakukan mulai 1 April 2013 manakala tuntutan bayaran balik upah jahit dibuat selepas kain diedarkan dan dijahit.

4. Bagi pusat kos di bawah Pejabat Pengarah, JKWPKL & P, tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan borang tuntutan berkenaan kepada Puan Noraziah binti Ahmad (No. Tel : 03-22687247). Kerjasama tuan/puan di dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(ZETTY ZABRINA BINTI AZRULLAH)
b.p Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur

s.k : Pengarah
JKWPKL & P

SENARAI EDARAN

IBU PEJABAT

TPK (PENGURUSAN)

TPK (PERUBATAN)

TPK (KESIHATAN AWAM)

TPK (PERGIGIAN)

TPK (FARMASI)

TPK (KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN)

Mohon dipanjangkan
kepada penjawat
masing-masing

PENGARAH HOSPITAL PUTRAJAYA

PENGARAH HOSPITAL REHABILITASI CHERAS

PEJABAT KESIHATAN

PEGAWAI KESIHATAN PUTRAJAYA

PEGAWAI KESIHATAN KEPONG

PEGAWAI KESIHATAN LEMBAH PANTAI

PEGAWAI KESIHATAN CHERAS

PEGAWAI KESIHATAN TITIWANGSA

Mohon dipanjangkan
kepada semua Klinik
Kesihatan, Klinik Kesihatan
Ibu & Anak (KKIA) dan Klinik
1Malaysia di bawah
penyelarasan masing-
masing